JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

## STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 27/2020

**RUJUKAN : 18 APRIL 2020**

@MyCensus2020
@StatsMalaysia
BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020
www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my

# RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

Kerajaan Malaysia terus komited dalam usaha membendung dan memutuskan rantain penularan wabak COVID-19. Pada masa ini, keprihatinan dan sokongan seluruh warga masyarakat amat signifikan bagi memastikan setiap aturan kawalan serta langkah penjagaan kesihatan kekal diterapkan agar keadaan sukar yang ditempoh terutamanya bermula Mac lalu berada dalam kawalan seterusnya mampu melenyapkan virus berbahaya ini. Menyentuh aspek warga di Malaysia, ianya turut meliputi dari kalangan bukan warganegara antaranya termasuk imigran, pekerja asing, pelancong dan golongan pelarian. Merujuk kepada perkongsian statistik Kementerian Kesihatan Malaysia sehingga 16 April 2020, jangkitan COVID-19 dari kalangan kelompok tersebut mencatatkan sebanyak 601 kes positif disumbangkan terutamanya oleh warganegara Indonesia sebanyak 18.0 peratus, Filipina (17.3 peratus), Bangladesh (10.5 peratus), India (10.0 peratus) dan Pakistan (8.5 peratus). Kadar kes sembuh yang dicatatkan oleh golongan bukan warganegara adalah 40.3 peratus sementara angka korban dari wabak ini adalah sebanyak 3 kes.

Kementerian Kesihatan Malaysia pada 18 April 2020 memaklumkan **kumulatif kes sembuh meningkat kepada 3,102** berbanding **kes aktif 2,115 kes**, dipengaruhi oleh corak peningkatan kes sembuh harian yang dilihat melepasi angka kes positif baharu sejak 13 April 2020 yang lalu. Sementara itu, sebanyak **54 kes positif baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **5,305 kes. Kawasan Lembah Klang kekal mendominasi** kes positif dengan menyumbang **sebanyak 44.9 peratus**, Zon Selatan (22.5 peratus), Wilayah Malaysia Timur (13.6 peratus), Zon Pantai Timur (10.0 peratus) dan Zon Utara dengan 9.1 peratus. Di peringkat negeri, **pertambahan kes baharu** antaranya adalah menerusi catatan **di Johor** dengan **merekodkan 16 kes** disusuli WP Kuala Lumpur (14 kes), Sabah (10 kes) sementara Sarawak sebanyak 6 kes. Secara umumnya, tiada penambahan kes positif dicatatkan bagi enam buah negeri termasuk dua Wilayah Persekutuan. Pada masa yang sama, sejumlah **88 kes kematian** telah direkodkan sehingga kini menerusi **pertambahan 2 kematian terbaharu** seperti pada Jadual 1.

Statistik pecahan kes mengikut daerah menunjukkan sebanyak **29 daerah** telah dikategorikan **sebagai zon merah**, pertambahan satu daerah di Kulai. **Lembah Pantai kekal** mencatatkan **kes jangkitan tertinggi dengan 604 kes** diikuti Hulu Langat (445 kes) dan Petaling (371 kes). Sehingga 17 April 2020, tiada catatan zon merah direkodkan bagi daerah-daerah di Pulau Pinang, Kedah dan Terengganu sementara **sejumlah 28 daerah** dari seluruh negara masih mengekalkan rekod zon hijau atau **tanpa jangkitan positif COVID-19**.

**kumulatif jangkitan COVID-19** di seluruh dunia meningkat kepada **2,160,239 kes** dengan **jumlah kematian 145,595 kes. Amerika Syarikat kekal mendominasi** bilangan kes positif **sebanyak 671,425,** meningkat 34,066 kes disusuli Sepanyol dengan jumlah 184,948 kes dan Itali sebanyak 168,941 kes. Sementara itu, **kematian tertinggi** juga direkodkan oleh **Amerika Syarikat iaitu 33,286 kes,** diikuti Itali yang mencatatkan 22,170 kes, Sepanyol (19,315 kes) dan Perancis (17,941 kes). Statistik bagi **kadar kematian didominasi oleh Belgium** dengan 13.95 peratus, United Kingdom (13.21 peratus) dan Itali (13.12 peratus). Kadar kematian peringkat global terus meningkat kepada 6.74 peratus manakala kes sembuh merekodkan 550,197 kes (25.47 peratus) berdasarkan maklumat sehingga 17 April 2020.

Krisis kesihatan global yang melibatkan penularan hampir ke seluruh dunia ini dijangka akan mengambil masa untuk pulih seterusnya menyebabkan ekosistem ekonomi terganggu terutamanya tahun 2020. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan pertumbuhan global pulih kepada 5.8 peratus pada tahun 2021 manakala ASEAN-5 pula berkembang pada 7.8 peratus. Malaysia dijangka akan merekodkan pertumbuhan pada kadar 9 peratus dipengaruhi oleh jangkaan kepantasan pemulihan ekonomi diperingkat global. Selain Malaysia, ASEAN-5 meliputi Indonesia, Thailand, Filipina dan Vietnam yang masing-masing akan berkembang kepada 8.2 peratus, 6.1 peratus, 7.6 peratus dan 7.0 peratus. Walaubagaimanapun, pemulihan pada tahun 2021 ini bergantung kepada penularan covid-19 yang diramal selesai pada separuh kedua 2020. Kesan kehilangan rantaian wabak ini dapat mendorong penggubal dasar mengambil langkah proaktif dengan menyediakan tindakan dasar ekonomi yang menumpukan kepada pemulihan sentimen pasaran, kehilangan pekerjaan yang berlanjutan dan tekanan kewangan kepada seluruh sistem ekonomi. Selain itu juga suntikan dana daripada Pakej Rangsangan Ekonomi juga merupakan salah satu strategi bagi meningkatkan pasaran domestik dan merancakkan kembali transaksi perniagaan.

Kejutan ekonomi global berikutan impak gelombang penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada pelbagai sumber memberikan butiran pasaran ekonomi antarabangsa seperti berikut;

> **GLOBAL**: IMFmenjangkakan **defisit fiskal global akan meningkat lebih dari dua kali ganda pada tahun ini iaitu pada kadar 9.9 peratus** kepada KDNK berbanding 3.7 peratus pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini akan mendorong peningkatan nisbah hutang dunia sebanyak 13.1 mata peratus dan **mencapai nisbah hutang dunia 96.4 peratus kepada KDNK**. (Bloomberg)
>
> **GLOBAL**: **Harga minyak turun ke paras sekitar AS$18 setong** di New York sejajar dengan ramalan penurunan permintaan. OPEC meramalkan permintaan akan merosot ke paras terendah dalam jangka masa tiga dekad akibat penurunan serta pembatalan pembelian dari kilang-kilang di Asia dan Eropah. Pada Jumaat lepas, WTI dinilai pada harga AS$ 18.27 lebih rendah dari harga niaga hadapan. Kesepakatan pengurangan pengeluaran oleh OPEC dan rakan-

rakan sekutu yang lain dilihat gagal untuk meningkatkan harga komiditi itu, ING Banks menyatakan pemotongan itu tidak mencukupi untuk mengimbangi pasaran. Sementara itu, Arab Saudi dan Rusia menyatakan akan terus memantau pasaran minyak dan bersedia mengambil langkah selanjutnya sekiranya perlu. (Bloomberg)

**MEXICO**: **Moody's Investor Service menurunkan penarafan hutang Mexico** akibat keadaan ekonomi negara tersebut dan ketidakpastian yang berterusan. **Penarafan hutang negara tersebut diturunkan kepada Baa1 dengan prospek negatif**. Sebelum ini Mexico telah memperolehi penarafan pelaburan A3 sejak 2017 tetapi prospek diturunkan dari stabil ke negatif pada Jun 2019. (Bloomberg)

**ITALI**: Bank of Italy menjangkakan **KDNK Itali akan merosot sekitar -5 peratus pada suku pertama 2020**. Penurunan ini adalah kesan daripada sekatan pergerakan bagi mengekang penularan wabak COVID-19 di Itali. Sementara itu, output perindustrian dijangka turun sekitar -15 peratus pada Mac 2020 dan -6 peratus bagi keseluruhan suku pertama 2020. (Reuters)

**CHINA:** Pandemik COVID-19 telah mengheret ekonomi China kepada prestasi yang terburuk untuk beberapa dekad. **Ekonomi kedua terbesar di dunia itu menyusut -6.8 peratus** pada suku pertama 2020 dengan jumlah penurunan sekitar CNY 693 bilion (AS$ 98 bilion**). Kejatuhan ini adalah yang terburuk yang dicatatkan oleh China** semenjak siri data suku tahunan ini diterbitkan pada tahun 1992. Selain itu, ini adalah kali pertama China melaporkan penguncupan ekonomi semenjak 1976, di mana ekonomi China turun -1.6 peratus. Tiga penggerak utama ekonomi China iaitu perbelanjaan penggunaan, eksport dan pelaburan aset tetap masing-masing mencatatkan penurunan. (CNN)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1) **Harga rumah dijangka akan mengalami penurunan sehingga 10 peratus** dalam tempoh melebihi 6 bulan akan datang susulan impak negatif penularan COVID-19

2) Lembaga Getah Malaysia (LGM) menyatakan bahawa pandemik Covid-19 akan **menaikkan harga getah dan meningkatkan permintaan sarung tangan buatan Malaysia** dengan unjuran akan **menguasai 65 peratus pasaran** sarung tangan getah global pada tahun 2020.

3) **Harga dagangan minyak sawit mentah dijangka lebih rendah** pada minggu depan dengan harga semasa di antara RM2,270 hingga RM2,340 per tan.

4) Kumpulan TAL, pengeluar pakaian Brooks Brothers, LL Bean dan Bonobos dari Hong Kong yang berusia 70 tahun telah **mengumumkan akan menghentikan operasi dua kilang miliknya di Malaysia**, Pen Apparel di Pulau Pinang (PAP) dan Imperial Garments (IG), di Ipoh.

5) Kajian Institut Penyelidikan Khazanah yang bertajuk '*Trade During A Pandemic*' menyatakan bahawa **Malaysia mengimport bekalan perubatan bernilai US$2.4 bilion atau RM9.5 bilion pada 2018**, termasuk penutup hidung dan mulut; pembasmi kuman dan peralatan perubatan yang digunakan untuk mendiagnosis dan merawat pesakit.

6) **Malaysia harus membayar balik kos kepada Singapura** yang dikeluarkan dalam memenuhi perjanjian HSR sekiranya projek tersebut tidak berjalan setelah tarikh **penggantungan berakhir**. Pada September 2018, kedua-dua kerajaan Malaysia dan Singapura telah bersetuju untuk menangguhkan projek HSR sehingga 31 Mei 2020.

7) Kerajaan harus menyambung semula semua projek mega yang belum selesai. **Peruntukan RM4 bilion** di bawah dua pakej rangsangan pertama untuk **sektor pembinaan lebih tertumpu kepada projek kecil** dan hanya akan cukup untuk menyokong pemain pembinaan yang lebih kecil.

8) Ringgit dijangka menghadapi minggu yang mencabar berikutan **penurunan harga minyak dan sentimen global** yang tidak menentu yang akan memberi kesan jangka pendek ke atas ringgit untuk berlegar **pada 4.36 hingga 4.39** berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

9) **Penurunan kes positif wabak COVID-19** telah membawa **sentimen yang positif dan menyumbang kepada Bursa Malaysia** yang ditutup tinggi dengan mencecah 1,407.34 mata daripada 1,386.53 mata pada hari khamis.

10) **Penjualan runcit peringkat global menurun di hampir setiap negara** berikutan penularan wabak COVID-19. **Jualan runcit di Malaysia dijangka turun 5.5% bagi tahun 2020** sementara purata perbelanjaan isi rumah bulanan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyusut kepada RM 2,817 dari RM6,317 susulan tabiat perbelanjaan isi rumah yang terhad kepada barang keperluan semasa tempoh PKP

11) Kebanyakan negara seluruh dunia dijangka akan menyelamatkan syarikat penerbangan nasional mereka antaranya, **kerajaan Singapura telah menyediakan dana sehingga S$19 bilion (RM58.4 bilion)** bagi menyokong Singapore Airlines (SIA). **Hong Kong pula telah menyediakan pakej bantuan sebanyak HK$2 bilion (RM1.13 bilion)** untuk meringankan tekanan mudah tunai syarikat penerbangan sementara **kerajaan Amerika Syarikat (AS)** juga secara dasar telah mencapai kesepakatan dengan syarikat penerbangan utama negara itu mengenai syarat menyelamat **berjumlah AS$25 bilion (RM109.3 bilion).**

12) Pergerakan pesawat Malaysia **menurun sebanyak 11.9 peratus pada suku pertama 2020 berbanding suku pertama 2019**. Pergerakan antarabangsa dan domestik pula masing-masing **menurun sebanyak 17.5 peratus dan 8.2 peratus** berbanding suku pertama 2019**.**

13) Seramai **2,544 penghantar makanan Foodpanda** seluruh negara kini menerima manfaat perlindungan di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) hasil caruman oleh syarikat Foodpanda Malaysia.

14) **Perbadanan Produktiviti Malaysia** (MPC) mencadangkan PKS memanfaatkan teknologi untuk mengatasi tekanan kerana Covid-19. Terdapat **76 peratus PKS terdiri daripada pertubuhan mikro** dengan pelbagai kekangan kewangan, modal insan, kapasiti pengurusan dan akses pasaran. MITI telah menganjurkan program percuma, **'Readiness Assessment for Industry 4.0'** bagi membolehkan PKS dinilai berdasarkan inisiatif tersebut untuk meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Malay Mail** | **Finance minister: 400,000 BPN recipients to receive cash payment**<br><br>Most of the BPN recipients received the payment in cash as they do not have bank accounts or that their bank accounts are no longer active.<br><br>The Finance Ministry said the recipients can get their cash payment at BSN branches beginning April 17, 2020 until December 31, 2020. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/18/finance-minister-400000-bpn-recipients-to-receive-cash-payment/1857933 |
| 2. | **Malay Mail** | **Malaysian Rubber Board: Covid-19 pandemic to push up rubber price, demand for rubber gloves**<br><br>Economic experts had projected that Malaysia would control 65 per cent of the global rubber gloves market in 2020, up 3.0 per cent from 62 per cent share currently.<br><br>He said the 3.0 per cent increase is equivalent to RM3 billion additional income to the country but this would depend on the Covid-19 situation.<br><br>Many quarters opined that the rubber industry is a sunset industry, for both upstream and downstream activities, but it cannot be denied that rubber contribution to the country's export increases year-on-year. | https://www.malaymail.com/news/money/2020/04/18/malaysian-rubber-board-covid-19-pandemic-to-push-up-rubber-price-demand-for/1857936 |

| Penemuan penting & isu: |
|---|
| 1. Lembaga Getah Malaysia (LGM) menyatakan bahawa pandemik Covid-19 akan menaikkan harga getah dan meningkatkan permintaan sarung tangan buatan Malaysia dengan unjuran akan menguasai 65 peratus pasaran sarung tangan getah global pada tahun 2020. |
| Maklumbalas Bahagian: |
| 1. Permintaan sarung tangan getah yang tinggi di peringkat global susulan penularan Covid-19 akan memberi impak positif kepada harga getah dan secara tidak langsung kepada industri pembuatan produk getah. Industri pembuatan produk getah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.9 peratus pada tahun 2019 berbanding 5.1 peratus pada tahun 2018. |

| **B.** | **Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **Free Malaysia Today** | **Petrol dealers fear dry pumps when MCO ends**<br><br>The country's largest organisation of petrol station owners has warned of the likelihood of pumps running dry after the movement control order (MCO) expires unless the government temporarily stops the practice of setting weekly prices. The drop in fuel prices and a 70% reduction in sales since the MCO had badly affected petrol dealers. | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/04/18/petrol-dealers-fear-dry-pumps-when-mco-ends/ |
| 2. | **Free Malaysia Today** | **PKP jadi lubuk rezeki peniaga 'online'**<br><br>Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan bagi mengekang penularan wabak COVID-19 sejak 18 Mac lalu telah mengubah rutin harian individu yang sebelum ini sudah terbiasa dan sibuk dengan tugasan harian masing-masing sebagai pekerja swasta apabila mula menceburi | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2020/04/18/pkp-jadi-lubuk-rezeki-peniaga-online/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | bidang perniagaan online bagi menampung perbelanjaan harian. | |
| 3. | **The Star** | **Quiet trading seen for CPO futures next week**<br><br>The crude palm oil (CPO) futures contract on Bursa Malaysia Derivatives is expected to see quiet trading next week, with prices trending at the current level of between RM2,270 and RM2,340 per tonne. Market players continued to worry in anticipation of a rise in production amid not-so-encouraging demand following the COVID-19 pandemic, as many countries were implementing a national lockdown. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/18/quiet-trading-seen-for-cpo-futures-next-week |
| | **B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 4. | **Malaysiakini** | **Syarikat penerbangan perlu patuhi SOP kalau pun PKP tamat 28 April**<br><br>Penerbangan domestik untuk Semenanjung dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) tidak beroperasi, manakala bagi penerbangan ke Sabah dan Sarawak pula dijadualkan seminggu sekali seperti diumumkan Kementerian Pengangkutan (MOT).<br><br>Penerbangan domestik Semenanjung masih dibenarkan di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang melalui perkhidmatan Firefly. | https://www.malaysiakini.com/news/521338 |

Penemuan penting & isu:

1. Penurunan harga dan penurunan 70% dalam penjualan bahan bakar sejak PKP memberi kesan buruk kepada peniaga petrol.
2. Pekerja sektor swasta yang diberikan cuti tanpa gaji sepanjang PKP mula menceburi sektor perniagaan atas talian bagi menjana pendapatan.
3. Harga dagangan minyak sawit mentah dijangka lebih stabil pada minggu depan dengan harga semasa di antara RM2,270 hingga RM2,340 per tan.
4. Penerbangan domestik Semenanjung melalui KLIA masih tidak beroperasi kecuali di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang melalui perkhidmatan Firefly. Penerbangan ke Sabah dan Sarawak pula dijadualkan seminggu hanya sekali.

Maklumbalas Bahagian:

1. Harga minyak petrol yang semakin turun semenjak PKP akan memberi kesan negatif kepada industri perdagangan runcit terutamanya subsektor jualan runcit bahan api kenderaan bagi stesen minyak.
2. Aktiviti pengguna internet bagi perniagaan akan terus meningkat apabila ramai mula menawarkan perkhidmatan jualan secara atas talian.
3. Penggantungan sementara penerbangan domestik akan memberi kesan terhadap bilangan trafik penumpang dan kejatuhan hasil syarikat penerbangan serta prestasi perkhidmatan pengangkutan udara secara keseluruhannya.

| **C.** | **Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **NST** | **Covid-19 forces another apparel maker to close doors in Malaysia**<br><br>Close on the heels of Esquel Group's announcement to exit from Malaysia, another Hong Kong apparel maker said it plans to do the same.<br><br>The 70 year-old TAL Group has announced it will cease operations of its two Malaysian factories, Pen Apparel in Penang (PAP) and Imperial Garments (IG), in Ipoh. | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/585431/covid-19-forces-another-apparel-maker-close-doors-malaysia |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | In a letter to employees, the company's senior vice-president for manufacturing, Florence Lai, cited the Covid-19 pandemic as having adversely impacted leading garment manufacturers. | |

Penemuan penting & isu:

1. Kumpulan TAL, pengeluar pakaian Brooks Brothers, LL Bean dan Bonobos dari Hong Kong yang berusia 70 tahun telah mengumumkan akan menghentikan operasi dua kilang miliknya di Malaysia, Pen Apparel di Pulau Pinang (PAP) dan Imperial Garments (IG), di Ipoh. Malaysia merangkumi 26 peratus daripada jumlah pekerja di semua 11 kilang kumpulan TAL di Asia. Pandemik Covid-19 telah memberi kesan buruk kepada pengeluar pakaian terkemuka.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pada 2019, jumlah dagangan Malaysia bagi **pakaian dan segala kelengkapan pakaian** bernilai RM12.7 bilion dengan import dan eksport direkodkan bernilai RM6.5 bilion dan RM6.2 bilion. Sumber import utama adalah dari Negara China (RM2.4 bilion, 36.5%), Bangladesh (RM745.4 juta, 11.4%) dan Vietnam (RM538.2 juta, 8.2%). Manakala destinasi eksport utama adalah ke Amerika Syarikat (RM1.6 bilion, 26.5%), Jepun (RM700.2 juta, 11.4%) dan Singapura (RM679.4 juta, 11.0%). Bagi tempoh Januari hingga Februari 2020, import merekodkan nilai RM1.03 bilion, jatuh RM29.5 juta (-2.8%) berbanding RM1.06 bilion bagi tempoh yang sama tahun lalu. Penurunan import terutamanya dari China sebanyak RM57.4 juta (-14.5%) kepada RM337.4 juta. Manakala eksport Malaysia bagi tempoh Januari hingga Februari 2020 bernilai RM1.06 bilion, meningkat RM126.8 juta (+13.6%) berbanding RM935.4 juta pada tahun lalu.
2. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

| **D.** | **Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Star** | **Construction sector needs govt boost**<br><br>MALAYSIA'S RM66bil construction sector could not | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/18/construction-sector- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | afford further delays to the long-promised mega infrastructure projects. At a time when there is a clear lack in private projects amid the feeble market sentiment, the need for the government to ramp up its investments in public-funded projects has become more pressing. Continued delays in large-scale projects will only delay the recovery of the construction sector. | needs-boost-from-government |
| 2. | **The Sun Daily** | **Energy consumption reeling from Covid-19, MCO**<br><br>The fallout from COVID-19 has resulted in a significant impact on various sectors across the board, especially energy consumption, as the economy is operating at only about 45 per cent capacity amid the Movement Control Order (MCO) that grips the country. | https://www.thesundaily.my/business/energy-consumption-reeling-from-covid-19-mco-MC2260439 |
| 3. | **BERNAMA** | **Penang manufacturing industry needs to adjust production capacity to cope with COVID-19**<br><br>The Penang government has directed the Penang Development Corporation (PDC) and InvestPenang to engage the manufacturing industry in the state to assess the possibility of adjusting their production capacities in coping with COVID-19 crisis. | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1833187 |

Penemuan penting & isu:

1. Penganalisis mengharapkan Kerajaan menyambung semula semua projek mega yang belum selesai, dengan mempertimbangkan keperluan mendesak untuk perbelanjaan awam yang lebih tinggi untuk menangani wabak Covid-19 dan menyokong perniagaan tempatan.

2. Kerajaan telah mengumumkan peruntukan RM4 bilion di bawah dua pakej rangsangan pertama untuk sektor pembinaan, ini adalah untuk projek kecil dan hanya akan cukup untuk menyokong pemain pembinaan yang lebih kecil.
3. Pada masa ini, proses tender ECRL masih tertangguh. Projek HSR seperti pada bulan September 2018, kedua-dua kerajaan Malaysia dan Singapura telah bersetuju untuk menangguhkan projek HSR sehingga 31 Mei 2020. Sekiranya projek tersebut tidak berjalan setelah tarikh penggantungan berakhir, Malaysia harus membayar balik kos kepada Singapura yang dikeluarkan dalam memenuhi perjanjian HSR.
4. Penggunaan tenaga juga terkesan akibat PKP dimana pengoperasian pertubuhan adalah di paras 45 peratus.
5. Sektor pembuatan di Pulau Pinang perlu untuk meneliti kembali kapasiti pengeluaran kilang berikutan PKP yang sedang dilaksanakan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pemantauan projek dan pertubuhan yang terkesan dengan pandemik dalam survei jangka pendek dan sederhana.
2. Semakan harga dan pengeluaran bahan binaan dengan rantaian industri atau sektor lain yang terkesan akibat pandemik Covid-19.
3. Bahagian akan terus memantau sektor pembuatan yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

| **E.** | **Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian** | **Ringgit berdepan minggu mencabar**<br><br>Ringgit dijangka menghadapi minggu yang mencabar berikutan penurunan harga minyak dan sentimen global yang tidak menentu. Semua faktor ini akan memberi kesan jangka pendek ke atas Ringgit untuk berlegar pada 4.36 hingga 4.39 berbanding Dolar Amerika Syarikat (AS). Ringgit juga melemah berbanding sekumpulan mata wang seperti Dolar Singapura, Yen Jepun, Pound British dan Euro. Manakala, harga minyak dijangka tidak stabil disebabkan permintaan global diramalkan | https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/04/678493/ringgit-berdepan-minggu-mencabar |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | mencecah tahap terendah dalam 30 tahun. | |
| 2. | **The Sun Daily** | **Positive sentiment lifts Bursa Malaysia higher**<br><br>Bursa Malaysia extended its gains to end the week on a firm note, underpinned by persistent buying momentum in the index-linked counters amid positive market sentiment brought by reduced COVID-19 cases. The decline in new COVID-19 cases is seen as a signal for economic recovery worldwide. In line with the regional uptrend, the benchmark index FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) rose 20.81 points or 1.5% to 1,407.34 from 1,386.53 at Thursday's close. The barometer index, which opened 9.02 points firmer at 1,395.55, fluctuated above the 1,400-level for most of the day and even moved as high as 1,414.67 at one point. | https://www.thesundaily.my/business/positive-sentiment-lifts-bursa-malaysia-higher-BL2269461 |

Penemuan penting & isu:

1. Ringgit dijangka menghadapi minggu yang mencabar berikutan penurunan harga minyak dan sentimen global yang tidak menentu yang akan memberi kesan jangka pendek ke atas ringgit untuk berlegar pada 4.36 hingga 4.39 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).
2. Penurunan kes positif wabak COVID-19 telah membawa sentimen yang positif dan menyumbang kepada Bursa Malaysia yang ditutup tinggi dengan mencecah 1,407.34 mata daripada 1,386.53 mata pada Hari Khamis (peningkatan sebanyak 20.81 mata atau 1.5%).

Maklumbalas Bahagian:

1. Ringgit yang melemah berikutan penurunan harga minyak dan sentimen global yang tidak menentu serta jangkaan pasaran hartanah yang perlahan akan memberikan impak kepada penyusunan statistik Akaun Semasa dan Akaun Kewangan. Pada tahun 2019, lebihan imbangan akaun semasa mencecah RM49.7 bilion.

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. Prestasi Bursa Malaysia akan menjejaskan penyusunan statistik Akaun Kewangan terutamanya dalam komponen Pelaburan Portfolio yang dipengaruhi oleh pasaran saham. Pada tahun 2019, Akaun Kewangan telah merekod aliran keluar bersih berjumlah RM34.3 bilion manakala Pelaburan Portfolio mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM37.7 bilion. | | | |
| **F.** | **Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bernama** | **Manfaatkan kapasiti industri tekstil bagi pengeluaran masa PPE**<br><br>Pengeluaran peralatan perlindungan diri (PPE) secara besar-besaran kini sememangnya amat wajar memandangkan wujudnya lonjakan permintaan terhadap keperluan itu untuk petugas kesihatan dalam memerangi wabak COVID-19 di Malaysia, kata Ketua Pakar Ekonomi Bank Islam.<br><br>Menurut laporan, Malaysia memerlukan 59 juta unit PPE sebulan dan bekalan PPE setakat Isnin hanya mencukupi untuk menampung keperluan selama dua minggu sahaja di semua hospital negara ini.<br><br>Negara memiliki kelebihan dari segi kos yang boleh dimanfaatkan pengeluar tekstil dengan meningkatkan skala pengeluaran malah sudah sampai masanya kerajaan memberi perhatian kepada industri ini susulan keupayaannya mengeluarkan PPE. | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1833238 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) berkata, beberapa ahlinya sedang melaksanakan proses pengubahsuaian pengeluaran atau di peringkat perancangan untuk mempelbagaikan operasi mereka bagi pengeluaran bekalan perubatan, termasuk PPE. | |
| 2. | **Bernama** | **Permintaan terhadap ikan segar Nekmatbiz meningkat 100 peratus**<br><br>Penjualan ikan dan makanan laut segar oleh Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) melalui laman web www.nekmatbiz.com.my mencatat peningkatan 100 peratus sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac.<br><br>Sebelum PKP, anggaran jualan secara dalam talian hanya di antara RM10,000 hingga RM20,000 sebulan, tetapi dalam tempoh PKP selama sebulan ini, NEKMAT telah mencatat jualan melebihi RM100,000.<br><br>Penjualan melalui kaedah mengambil pesanan secara dalam talian di laman portalnya, NEKMAT juga membuat jualan langsung ikan di media sosial iaitu Facebook dengan menggunakan khidmat utusan atau wakil (*runner*) di bawah seliaan persatuan itu. | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1833291 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **The Star** | **Retail sales data**<br><br>The latest data from the US that retail sales plummeted in March goes to show that some businesses are coming to an almost halt as consumers tighten their spending habits amid the coronavirus (COVID-19) spread.<br><br>Globally, retail sales have fallen in almost every country and people are spending mostly on groceries and essential items during the lockdowns. The decline in the US beats the previous record drop of 3.9% during the Great Recession in November 2008 and output at factories has declined most since 1946.<br><br>The e-commerce sector is booming, although people are buying only essential items online. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/18/retail-sales-data |

Penemuan penting & isu:

1. Peningkatan pengeluaran peralatan perlindungan diri (PPE) disebabkan lonjakan permintaan terhadap keperluan untuk petugas kesihatan dalam memerangi wabak COVID-19 di Malaysia. Malaysia memerlukan 59 juta unit PPE sebulan dan bekalan tesebut hanya menampung keperluan selama dua minggu sahaja di semua hospital. Oleh itu, negara memiliki kelebihan dari segi kos pengeluar tekstil dengan meningkatkan skala pengeluaran di samping mendapat galakan daripada kerajaan.
2. Permintaan terhadap ikan dan makanan laut segar atas talian melalui Nekmatbiz meningkat 100 peratus sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sebelum PKP, anggaran jualan secara dalam talian hanya di antara RM10,000 hingga RM20,000 sebulan, tetapi dalam tempoh PKP hasil jualan melebihi RM100,000.
3. Penjualan runcit peringkat global menurun di hampir setiap negara berikutan penularan wabak COVID-19. Jualan runcit di Malaysia dijangka turun 5.5% bagi tahun 2020 sementara purata perbelanjaan isi rumah

| | |
|---|---|
| | bulanan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyusut kepada RM 2,817 dari RM6,317 susulan tabiat perbelanjaan isi rumah yang terhad kepada barang keperluan semasa tempoh PKP. |
| Maklumbalas Bahagian:<br><br>1. Kaedah jualan yang lebih proaktif secara atas talian bagi hasil perikanan merupakan medium pasaran baharu dalam meningkatkan permintaan ke atas perikanan. Ini akan meningkatkan pendapatan nelayan dan logistik tempatan yang sekaligus menyumbang dalam aktiviti e-dagang dalam ekonomi.<br>2. Corak perbelanjaan isi rumah yang berubah iaitu terhad kepada barang keperluan menyebabkan trend jualan runcit di Malaysia dijangka mengalami perubahan ketara bagi tahun 2020. Perniagaan runcit konvensional terutamanya dijangka terjejas kerana perkhidmatan yang terbatas disebabkan PKP. Namun, sektor e-dagang dijangka berkembang pesat susulan peralihan perkhidmatan tradisional kepada perniagaan atas talian. | |

| **G.** | **Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **BH Online** | **Pakaian dalam wanita produk e-dagang terlaris PKP**<br><br>Satu kaji selidik oleh Commerce.Asia Group of Companies (Commerce.Asia), ekosistem teknologi dan penyelesaian data raya e-dagang, menyaksikan pertumbuhan Volum Barangan Kasar (GMV) melonjak sebanyak 149 peratus tahun ke tahun dalam suku pertama 2020 sejak PKP bermula. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/678518/pakaian-dalam-wanita-produk-e-dagang-terlaris-pkp |
| 2. | **BH Online** | **Kerajaan wajar selamatkan Malaysia Airlines – MATTA**<br><br>Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) menggesa kerajaan supaya membantu syarikat penerbangan negara, Malaysia | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/678702/kerajaan-wajar-selamatkan-malaysia-airlines-matta |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Airlines Bhd, dari segi sokongan kewangan bagi memastikannya bersedia untuk beroperasi pasca COVID-19.<br><br>Industri penerbangan adalah teras kepada keseluruhan ekosistem pelancongan dan perhubungan udara adalah penting kepada pemulihan ekonomi dan pelancongan negara. | |
| 3. | **MyMetro** | **Jualan RM80 juta sepanjang PKP**<br><br>SEBANYAK 140 outlet di bawah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) termasuk Pasar Segar Terkawal (PST) mencatatkan jualan sebanyak RM80 juta sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan mulai 18 Mac lalu.<br><br>Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MOA) menyatakan jualan itu membabitkan barangan segar seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, ikan, daging, barangan runcit dan barangan asas tani. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/568276/jualan-rm80-juta-sepanjang-pkp |
| 4. | **MyMetro** | **PENESA jual ikan 'online'**<br><br>PERKHIDMATAN tempahan dalam talian menerusi laman sosial Facebook dan aplikasi Whatsapp disediakan bagi memudahkan orang ramai membeli ikan segar di Pasar Nelayan milik Persatuan Nelayan Sarawak (PENESA) di Vista Tunku, di Jalan Demak, Kuching. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/568244/penesa-jual-ikan-online |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Menteri Muda Pertanian, menyatakan, inisiatif itu diperkenalkan PENESA bagi memudahkan orang ramai untuk mendapatkan bekalan ikan ketika penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).<br><br>Tempahan secara dalam talian itu memudahkan orang ramai selain mengelakkan orang ramai bersesak di pasar berkenaan. | |

Penemuan penting & isu:

1. Membeli belah dalam talian kini adalah 'kebiasaan baharu' memandangkan pandemik COVID-19. Antara Jualan barangan penting seperti makanan, peralatan mandian, produk bayi, jualan barangan kecergasan dan sarung tangan lateks. Namun begitu, jualan pakaian dalam wanita berada di tangga teratas.
2. Banyak negara seluruh dunia dijangka akan menyelamatkan syarikat penerbangan nasional mereka antaranya, kerajaan Singapura telah menyediakan dana sehingga S$19 bilion (RM58.4 bilion) bagi menyokong Singapore Airlines (SIA) untuk menempuhi krisis coronavirus. Hong Kong pula telah menyediakan pakej bantuan sebanyak HK$2 bilion (RM1.13 bilion) untuk meringankan tekanan mudah tunai syarikat penerbangan dan pengendali perkhidmatan sokongan penerbangan. kerajaan Amerika Syarikat (AS) juga secara dasar telah mencapai kesepakatan dengan syarikat penerbangan utama negara itu mengenai syarat menyelamat berjumlah AS$25 bilion (RM109.3 bilion).
3. Pergerakan pesawat menurun sebanyak 11.9 peratus pada suku pertama 2020 berbanding suku pertama 2019. Pergerakan antarabangsa dan domestik pula masing-masing menurun sebanyak 17.5 peratus dan 8.2 peratus berbanding suku pertama 2019.
4. FAMA sedang berurusan dengan beberapa pemain industri yang menggunakan platform e-commerce untuk membantu pengeluar barang makanan menjalankan perniagaan dalam talian.
5. Pembelian ikan segar, sejuk beku atau barangan basah yang lain, boleh dibuat tempahan secara dalam talian dan pembeli hanya perlu datang ke premis untuk mengambil pesanan dan tidak perlu beratur lama untuk urusan pembelian

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian akan menggunakan saranan IMF dalam pelaksanaan kutipan harga bagi kumpulan 08-Komunikasi bagi item perkhidmtaan pos, IHP April 2020 sepanjang tempoh PKP ini.
2. Industri penerbangan adalah teras kepada keseluruhan ekosistem pelancongan dan perhubungan udara, ia turut memberi kesan ke atas IHP dalam tempoh ini.
3. Bahagian mengambil makluman berkenaan dengan pemantauan harga barangan basah sepanjang PKP Fasa 3 dijangka akan memberikan kesan yang berubah-ubah (*fluctuate*) kepada IHP April 2020 terutamanya bagi kumpulan 01- Makanan dan minuman bukan alkohol dan turut memberi kesan kepada inflasi Malaysia.
4. Pemantauan harga bagi penjualan atas talian akan dibuat dan kaedah yang disarankan oleh IMF akan digunakan dalam pengiraan IHP April 2020.

| **H.** | **Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian** | **COVID-19: 135 pesakit pulih, jumlah tertinggi hari ini**<br><br>Sebanyak 135 kes positif COVID-19 pulih sepenuhnya dan dibenarkan pulang, sekali gus menjadi jumlah tertinggi berbanding kes baharu dilaporkan hari ini. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/678713/covid-19-135-pesakit-pulih-jumlah-tertinggi-hari-ini |
| 2. | **Sinar Harian** | **Kolaborasi strategik KKM, pelbagai agensi hadapi Covid-19**<br><br>Sebagai persediaan mendepani pandemik Covid-19 ke tahap paling kritikal, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersama beberapa agensi penyelidikan dan khidmat teknikal mengadakan kolaborasi strategik dalam menghasilkan inovasi baharu peralatan bagi menangani masalah kesihatan yang melanda dunia ketika ini. | https://www.sinarharian.com.my/article/78776/KHAS/Koronavirus/Kolaborasi-strategik-KKM-pelbagai-agensi-hadapi-Covid-19 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **Sinar Harian** | **81 rakyat Malaysia terkandas di Sri Lanka pulang esok**<br><br>Seramai 81 rakyat Malaysia yang terkandas di Sri Lanka dijangka pulang ke tanah air esok, demikian menurut Kementerian Luar. | https://www.sinarharian.com.my/article/78748/KHAS/Koronavirus/81-rakyat-Malaysia-terkandas-di-Sri-Lanka-pulang-esok |
| 4. | **Metro** | **100 orang sehari lepasi sempadan**<br><br>100 warga Thailand dibenarkan melalui pintu sempadan di Kelantan, sehari untuk pulang ke negara itu. Dijangka lebih 8,000 warga Thailand yang terkandas di Malaysia akan pulang secara berperingkat ke kampung halaman mereka. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/568182/100-orang-sehari-lepasi-sempadan |
| 5. | **Sinar Harian** | **AS tidak berhasrat bawa pulang rakyat dari Malaysia**<br><br>Kerajaan Amerika Syarikat (AS) tidak berhasrat mengatur penerbangan menghantar pulang warganya di Malaysia memandangkan penerbangan komersial masih ada. | https://www.sinarharian.com.my/article/79445/KHAS/Koronavirus/AS-tidak-berhasrat-bawa-pulang-rakyat-dari-Malaysia |

Penemuan penting & isu:

1. Sebanyak 135 kes positif Covid-19 telah pulih sepenuhnya. Jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya daripada COVID-19 sebanyak 3,102 kes, iaitu 58.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes. Setakat ini jumlah terkini pesakit positif wabak itu hanya 4,817 kes berbanding ramalan JP Morgan iaitu sebanyak 6,000 kes.
2. Komitmen dalam memupuk hubungan dua hala di antara Malaysia dan negara luar telah memberikan manfaat kepada penduduk Malaysia. Kerajaan India telah membenarkan 18 penerbangan masuk ke negara itu bagi membawa pulang sejumlah 2,876 rakyat Malaysia. Dalam masa yang sama, dijangka lebih 8,000 warga Thailand yang terkandas di Malaysia akan pulang secara berperingkat ke kampung halaman masing-masing.

Maklum balas Bahagian:

1. Bilangan kes pulih meningkat dan melebihi daripada bilangan positif COVID-19 menunjukkan kesan positif daripada PKP dan perkara ini juga akan memberi kesan kepada bilangan kematian. Data kematian dan sebab kematian akan dikeluarkan setiap tahun oleh Jabatan Perangkaan Malaysia melalui penerbitan Perangkaan Penting, Malaysia dan Perangkaan Sebab Kematian, Malaysia.
2. Bilangan penduduk Malaysia yang dibawa pulang akan memberi kesan kepada peningkatan penduduk di Malaysia pada tahun banci sekiranya penduduk ini telah atau akan menetap di Malaysia selama 6 bulan atau lebih.

| **I.** | **Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Star** | **Helping hand to cope with Covid-19**<br><br>SMEs should make full use of the additional wage subsidies and other benefits launched under the government's stimulus package of measures for SMEs.<br><br>The three-month wage subsidy programme is tied to the condition that employers must retain their staff for at least six months.<br><br>While the measures will make it easier for SMEs to deal with employee salaries, businesses can also be proactive in negotiating employment terms with their employees, by consulting and reaching a consensus with employees before implementing pay cuts or unpaid leave during the MCO period. Should any issues arise, either party can refer to the Labour Department for advice. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/18/helping-hand-to-cope-with-covid-19 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **Awani** | **E-Kitchen Selangor bantu peniaga raih hasil jualan, elak pembaziran sewaktu Ramadan**<br><br>Inisiatif e-Kitchen anjuran Kerajaan Selangor sepanjang bulan Ramadan, dilihat memberi peluang kepada penjaja dan peniaga untuk terus mendapatkan hasil jualan dalam keadaan normal baharu, kata Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.<br><br>Melalui inisiatif itu, kerajaan negeri telah mengenal pasti 77 pusat pengedaran di seluruh negeri, merangkumi 10 Dewan PBT, dengan jumlah maksima penjaja dan peniaga di satu pusat itu adalah seramai 12 orang.<br><br>Selain itu, 67 restoran di Selangor juga turut mendapat kelulusan untuk menjadi pusat pengedaran makanan. | http://www.astroawani.com/berita-malaysia/e-kitchen-selangor-bantu-peniaga-raih-hasil-jualan-elak-pembaziran-sewaktu-ramadan-238971 |
| 3. | **Sinar Harian** | **Kelantan laksana e-bazar Ramadan bantu peniaga**<br><br>Kerajaan Kelantan memutuskan untuk meneruskan e-bazar Ramadan bagi membantu peniaga di negeri ini.<br><br>Kerajaan menetapkan setiap jajahan mempunyai pusat pengumpulan makanan dengan melibatkan peniaga yang berdaftar menerusi borang secara dalam talian disediakan syarikat tersebut.<br><br>Setiap pusat di jajahan nanti akan terhad kepada 40 pengusaha makanan dan peniaga sahaja | https://www.sinarharian.com.my/article/79494/EDISI/Kelantan/Kelantan-laksana-e-bazar-Ramadan-bantu-peniaga |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | bagi mengelak kesesakan atau menjadi tempat berhimpun. | |
| 4. | **The Star** | **Johor govt eyeing online platforms to help Ramadan bazaar traders**<br><br>The Johor government is looking at setting up online platforms to help Ramadan bazaar traders during the ongoing movement control order (MCO).<br><br>State government had agreed to help Ramadan bazaar traders via online platforms.<br><br>The traders would be helped by two companies which had been appointed by the state government to handle the platform. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/18/johor-govt-eyeing-online-platforms-to-help-ramadan-bazaar-traders |
| 5. | **Harian Metro** | **FoodPanda carum Perkeso untuk penghantar makanan**<br><br>Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah menerima caruman berjumlah RM199,958.40 untuk perlindungan di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) daripada Foodpanda Malaysia untuk 2,544 orang penghantar Foodpanda.<br><br>Pihaknya berharap organisasi dan perusahaan lain turut mengambil langkah proaktif seperti Foodpanda Malaysia agar lebih ramai golongan yang bekerja sendiri mendapat perlindungan keselamatan sosial. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/04/567921/foodpanda-carum-perkeso-untuk-penghantar-makanan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6. | **Harian Metro** | **Pendapatan pelumba, mekanik terjejas**<br><br>Industri sukan permotoran negara berada dalam situasi sukar berikutan pandemik Covid-19 yang melanda Malaysia dan seluruh dunia ketika ini. Tiada bantuan khusus diberikan kepada sukan permotoran menyebabkan pendapatan mereka yang terbabit dengan industri berkenaan seperti pelumba dan mekanik turut terjejas.<br><br>Perlumbaan Kejuaraan Cub Prix Malaysia Petronas perlu dianjurkan selepas berakhirnya tempoh PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) walaupun berkemungkinan perlumbaan dianjurkan tanpa penonton.<br><br>Sekurang-kurangnya jika perlumbaan berlangsung dan industri ini terus berjalan, ia setimpal untuk membayar gaji kepada kira-kira 700 kakitangan kebanyakannya berstatus kontrak yang terbabit dalam Kejuaraan Cub Prix. | https://www.hmetro.com.my/arena/2020/04/568363/pendapatan-pelumba-mekanik-terjejas |

Penemuan penting & isu:

1. Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) perlu memanfaatkan sepenuhnya subsidi upah yang dilancarkan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi. Majikan disyaratkan perlu mengekalkan pekerja sekurang-kurangnya enam bulan bagi melayakkan mereka menerima subsidi upah selama tiga bulan.
2. Kerajaan negeri Selangor, Kelantan dan Johor sedang berusaha untuk menyediakan platform dalam talian bagi membantu peniaga bazar ramadan semasa pelaksanaan PKP.
3. Seramai 2,544 penghantar makanan Foodpanda seluruh negara kini menerima manfaat perlindungan di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) hasil caruman oleh syarikat Foodpanda Malaysia.

4. Industri sukan permotoran turut terjejas sepanjang tempoh PKP menyebabkan pelumba dan mekanik hilang salah satu punca pendapatan. Keadaan ini kerana tiada bantuan khusus diterima untuk industri ini. Penundaan Kejuaraan Cub Prix Malaysia Petronas yang dijadualkan pada bulan Mac 2020 menyebabkan gaji tidak dapat dibayar kepada 700 pekerja yang kebanyakannya berstatus kontrak.

Maklum balas Bahagian:

1. Pemberian subsidi upah selama tiga bulan kepada PKS yang dilaksanakan oleh kerajaan dijangka dapat membantu mengurangkan penurunan gaji dan upah yang diterima oleh pekerja swasta pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, perusahaan yang mempunyai pekerja yang lebih daripada 200 orang akan terkesan kerana subsidi ini diberi kepada pekerja yang bergaji RM4,000 dan ke bawah sahaja. Pemberian subsidi pula terhad kepada 200 orang sahaja bagi setiap majikan. Sebagai contoh, syarikat besar dalam sektor perhotelan dan resort paling terkesan dalam jangka masa panjang akibat sekatan pergerakan penduduk dan hanya 200 orang pekerja yang mendapat manfaat mengikut syarat yang ditetapkan.
2. Bilangan pekerja dalam sektor perkhidmatan iaitu penghantaran makanan atau barangan meningkat bermula tempoh PKP disebabkan oleh limitasi rakyat untuk keluar dari rumah bagi membeli barang harian dan makanan. Penghantaran barang keperluan harian dan makanan menjadi platform utama selain daripada membeli secara dalam talian seperti melalui Shopee dan Lazada.
3. Industri sukan permotoran negara terkesan sepanjang tempoh PKP kerana tiada perlumbaan berlangsung pada musim ini. Pendapatan pelumba dan mekanik terjejas kerana tiada bantuan khusus diterima untuk industri ini. Penundaan Kejuaraan Cub Prix Malaysia Petronas yang dijadualkan pada bulan Mac 2020 menyebabkan gaji tidak dapat dibayar kepada 700 kakitangan yang kebanyakannya berstatus kontrak.

| **J.** | **Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian** | **COVID-19: AS bantu sektor pertanian**<br><br>Presiden Amerika Syarikat (AS) mengumumkan pakej rangsangan bagi membantu industri pertanian mengatasi kemerosotan ekonomi akibat wabak COVID-19. | https://www.bharian.com.my/dunia/amerika/2020/04/678472/covid-19-bantu-sektor-pertanian |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **TheEdge** | **Timber company Golden Pharos's unit gets nod to operate during MCO**<br><br>Ministry of Plantation Industries and Commodities approved Golden Pharos Bhd's wholly-owned Permint Plywood Sdn Bhd (PPSB) to operate during the MCO period. | https://www.theedgemarkets.com/article/timber-company-golden-phaross-unit-gets-nod-operate-during-mco |
| 3. | **Bernama** | **IPG penyelesaian jangka masa panjang agar pekebun kecil peroleh pendapatan stabil – LGM**<br><br>Mekanisma Insentif Pengeluaran Getah (IPG) adalah satu bentuk penyelesaian jangka masa panjang bagi membolehkan pekebun kecil dapat memperoleh pendapatan yang lebih stabil, kata Lembaga Getah Malaysia (LGM). | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1833330 |
| 4. | **Astroawani** | **Teknologi Solar Dryer Dome, bantu nelayan Kampung Buntal jana pendapatan**<br><br>Hasil laut dikeringkan menggunakan Solar Dryer Dome atau Kubah Pengering Solar yang membolehkan proses pengeringan menjadi lebih singkat di antara dua atau tiga hari dan mampu menampung 200 hingga 300 kilogram ikan dalam satu-satu masa. | https://beta.astroawani.com/berita-malaysia/teknologi-solar-dryer-dome-bantu-nelayan-kampung-buntal-jana-pendapatan-238963 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5. | **Harian Metro** | **PKP: Kualiti udara meningkat 14 peratus**<br><br>Kualiti udara ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) meningkat sebanyak 14 peratus dan mencatatkan Indeks Pencemaran Udara 'bersih' di seluruh negara. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/568191/pkp-kualiti-udara-meningkat-14-peratus |

Penemuan penting & isu:

1. Presiden Amerika Syarikat (AS) mengumumkan pakej rangsangan bernilai AS$19 bilion (RM 83.03 bilion) bagi membantu industri pertanian mengatasi kemerosotan ekonomi akibat wabak COVID-19. Pakej bantuan meliputi kepada petani, penternak dan pengeluar yang mengalami kerugian. Petani AS terjejas teruk berikutan penurunan mendadak permintaan kesan daripada penutupan sekolah, restoran dan rakyat Amerika di rumah tidak lagi memesan makanan dari luar. AS$3 bilion (RM13.1 bilion) dana digunakan untuk membeli produk dan hasil tenusu daripada petani dan diagihkan kepada bank makanan untuk penduduk.
2. Golden Pharos Bhd's wholly-owned Permint Plywood Sdn Bhd (PPSB) has obtained approval from the Ministry of Plantation Industries and Commodities to operate during MCO period. Approval was obtained via the Malaysian Timber Industry Board (MTIB). PPSB must ensure only 50% of its workforce is allowed to operate during this period and establish a work-from-home system for employees that are not involved in critical manufacturing activities.
3. Kerajaan menyedari bahawa harga getah akan turun dan naik bergantung kepada pasaran dunia, justeru itu bagi memastikan pekebun kecil terus menoreh walaupun harga getah rendah, kerajaan telah menyediakan satu mekanisma untuk menyokong harga. Pada peringkat IPG ini, apabila harga getah turun, di bawah satu tahap harga pengaktifan, kerajaan akan bayar perbezaan kepada pekebun kecil. Contohnya, walaupun harga peringkat ladang RM1.70 sekilogram, dengan tuntutan IPG ini, harga getah disokong dan kekal pada RM2.50 sekilogram.
4. Proses pengudaraan dalam Solar Dryer Dome berfungsi seperti pemanasan dalam rumah hijau dengan capaian suhu 55 ke 60 celcius pada siang hari dan sekitar 30 ke 37 celcius pada malam hari. Menurut Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Sarawak, ketika nelayan berhadapan dengan situasi lambakan hasil laut, ia tidak menjadi masalah untuk mereka menjana pendapatan.
5. Penurunan paras pencemaran udara itu dapat dilihat khususnya di bandar utama di seluruh negara. IPU menunjukkan penurunan paras pencemar udara ini disebabkan pengurangan aktiviti pelepasan bahan cemar udara seperti asap

kenderaan bermotor, pelepasan asap cerobong industri dan aktiviti pembakaran terbuka.

Maklumbalas Bahagian:

1. BPPAS mengambil maklum bahawa berlaku penurunan paras pencemaran udara itu dapat dilihat khususnya di bandar utama di seluruh negara serta kualiti air yang bertambah baik. Bacaan IPU pada bulan Mac dan April 2020 dijangka akan menunjukkan penurunan bagi stesen bandar. Bacaan IPU di 65 stesen oleh Jabatan Alam Sekitar ini turut diterbitkan di dalam Kompendium Perangkaan Alam Sekitar (KPAS) secara tahunan. Statistik kualiti air sungai turut diliputi dalam penerbitan KPAS. Pada 2018, sebanyak 143 lembangan sungai diawasi. Status kualiti air berdasarkan bahan pencemar udara adalah seperti berikut:

| Tahun | $NH_3$-N | | | $BOD_5$ | | | SS | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2018 | B | ST | T | B | ST | T | B | ST | T |
| | 5 | 88 | 50 | 54 | 37 | 52 | 71 | 31 | 41 |

Nota: B-Bersih ST-Sederhana Tercemar T-Tercemar

| K. | Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1 | **The Edge Market** | **Penang identifies measures to cushion COVID-19 economic impact over longer term**<br><br>The Penang Government has identified four “longer-term” measures to minimise the adverse impact on the economy following the Movement Control Order (MCO) to curb the spread of COVID-19.<br><br>Public sector spending and the manufacturing sector will be the economic drivers to sustain Penang through the difficult time ahead.<br><br>State Government will facilitate in every possible manner for all investments to catch | https://www.theedgemarkets.com/article/penang-identifies-measures-cushion-covid19-economic-impact-over-longer-term |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | up on their implementation timeline. State Government will help SMEs on employment and preservation of the manufacturing supply chain.<br><br>Penang Career Assistance and Talent Centre (CAT Centre) to offer job-matching facilitation for those who are facing retrenchment due to the shifting of technology. Penang is looking forward to create at least 13,000 new job opportunities.<br><br>Setting up of Digital Penang to enhance the State's digital infrastructure to further strengthen the state as the destination for digital economy. | |
| 2 | **The Edge Market** | **MPC encourages SMEs to leverage on technology**<br><br>Malaysia Productivity Corporation (MPC) stated that small and medium enterprises (SME) should leverage on technology in coping with the operational stress generated by COVID-19.<br><br>There are 76 per cent of SMEs which are micro enterprises with various financial, human capital, managerial capacity and market access constraints.<br><br>SMEs must address financial management discipline and plan for cash reserves, review their business model, accelerate adoption of digital technology and proactively | https://www.theedgemarkets.com/article/mpc-encourages-smes-leverage-technology |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | seek the various forms of support provided by government agencies.<br><br>A free programme, 'Readiness Assessment for Industry 4.0' by MITI allows SMEs to be assessed under the initiative to enhance productivity and reduce dependency on foreign labour. | |

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan Pulau Pinang telah mengenal pasti empat langkah jangka panjang untuk meminimumkan impak ekonomi disebabkan tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Perbelanjaan sektor awam dan sektor Pembuatan akan menjadi pemacu ekonomi Pulau Pinang sepanjang tempoh yang sukar ini. Langkah tersebut adalah seperti berikut:
   i. Semua pelaburan diselesaikan mengikut jangka masa ditetapkan
   ii. Membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dari segi pekerjaan dan menyokong rantaian bekalan sektor Pembuatan.
   iii. *Penang Career Assistance and Talent Centre* (CAT *Centre*) membantu dari segi pemadanan pekerjaan kepada mereka yang diberhentikan, di mana jangkaan mewujudkan 13 ribu peluang pekerjaan.
   iv. Mewujudkan *Digital Penang* bagi meningkatkan infrastruktur digital negeri dalam memperkukuhkan Pulau Pinang sebagai destinasi ekonomi digital.
2. Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) mencadangkan PKS memanfaatkan teknologi untuk mengatasi tekanan kerana Covid-19. Terdapat 76 peratus PKS terdiri daripada pertubuhan mikro dengan pelbagai kekangan kewangan, modal insan, kapasiti pengurusan dan akses pasaran. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah menganjurkan program percuma, '*Readiness Assessment for Industry* 4.0' bagi membolehkan PKS dinilai berdasarkan inisiatif tersebut untuk meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing.

Maklumbalas Bahagian:

1. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat berkaitan jawatan diisi dan pewujudan jawatan mengikut aktiviti ekonomi dan kemahiran berdasarkan SGT ST4 2019:
   i) Sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar dengan 4.4 juta (52.5%) daripada 8.5 juta jumlah jawatan diisi.

ii) Komposisi terbesar pekerja mengikut kemahiran di sektor Perkhidmatan (4.4 juta jawatan diisi) adalah kategori separuh mahir (46.9%), diikuti mahir (33.0%) dan berkemahiran rendah (20.1%).
iii) Terdapat 25 ribu pewujudan jawatan di mana sektor Perkhidmatan menyumbang 46.2 peratus, diikuti Pembinaan (27.7%) dan Pembuatan (13.6%).
iv) Kategori mahir dan separuh mahir masing-masing menyumbang 11.7 peratus daripada pewujudan jawatan di sektor swasta sementara kategori berkemahiran rendah menyumbang 1.9 peratus.

2. Berikut adalah kategori pekerjaan berdasarkan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2013:

| Bil | Pekerjaan | Kategori |
|---|---|---|
| 1 | Pengurus | Mahir |
| 2 | Profesional | |
| 3 | Juruteknik dan Profesional Bersekutu | |
| 4 | Pekerja Sokongan Perkeranian | Separuh Mahir |
| 5 | Pekerja Perkhidmatan dan Jualan | |
| 6 | Pekerja Mahir Pertanian, Perhutanan, Penternakan dan Perikanan | |
| 7 | Pekerja Kemahiran dan Pekerja Petukangan yang berkaitan | |
| 8 | Operator Mesin dan Loji, dan Pemasang | |
| 9 | Pekerja Asas | Berkemahiran rendah |

3. Statistik pekerja bagi ST4 2019 yang berkaitan berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh ST4 2019 adalah seperti berikut*:
i) Pembuatan: 2,588 ribu orang (17.0%)
ii) Pengangkutan dan penyimpanan: 554 ribu orang (3.6%)
iii) Makanan & minuman dan penginapan: 1,694 ribu orang (11.1%)

4. Statistik produktiviti buruh bagi ST4 2019 yang berkaitan berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:

| Aktiviti ekonomi | Produktiviti buruh mengikut jam bekerja | | Produktiviti buruh mengikut pekerja | |
|---|---|---|---|---|
| | Nilai (RM) | Perubahan Peratusan Tahunan (%) | Nilai (RM) | Perubahan Peratusan Tahunan (%) |
| Pembuatan | 52.6 | 1.2 | 31,582 | 0.8 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Pengangkutan dan penyimpanan | 41.3 | 4.6 | 25,444 | 4.1 |
| Makanan & minuman dan penginapan | 13.6 | 2.9 | 7,977 | 2.3 |

5. Berikut merupakan perangkaan utama mengikut saiz berdasarkan Laporan Banci Ekonomi 2016 (TR 2015) bagi Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS):

| Saiz | Bil. Pertubuhan | Bil. Pekerja | Gaji & Upah (RM Juta) |
|---|---|---|---|
| Mikro | 693,670 | 1,937,557 | 25,495 |
| Kecil | 192,783 | 2,351,712 | 61,533 |
| Sederhana | 20,612 | 1,363,291 | 41,430 |
| Besar | 13,559 | 3,079,678 | 117,238 |
| **Jumlah** | **920,624** | **8,732,238** | **245,696** |

6. Definisi PKS yang digunapakai adalah seperti berikut:

| Sektor | Saiz PKS | Hasil Tahunan | Bilangan Pekerja Sepenuh Masa |
|---|---|---|---|
| Pembuatan | Mikro | Kurang daripada RM300,000 | Kurang daripada 5 pekerja |
| | Kecil | Antara RM300,000 hingga kurang daripada RM15 juta | Dari 5 hingga kurang daripada 75 pekerja |
| | Sederhana | Antara RM15 juta hingga tidak melebihi RM50 juta | Dari 75 hingga tidak melebihi 200 pekerja |
| Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembinaan dan Perkhidmatan | Mikro | Kurang daripada RM300,000 | Kurang daripada 5 pekerja |
| | Kecil | Antara RM300,000 hingga kurang daripada RM3 juta | Dari 5 hingga kurang daripada 30 pekerja |
| | Sederhana | Antara RM3 juta hingga tidak melebihi RM20 juta | Dari 30 hingga tidak melebihi 75 pekerja |

Sumber: Garis Panduan bagi Definisi Baharu PKS, SME Corp. Malaysia, Oktober 2013

*merujuk kepada jumlah pekerja dan peratus sumbangan

**Jadual 1: Jumlah Keseluruhan Taburan Kes COVID-19 Mengikut Negeri**

